

17 SEP 2002

Shahrizat-Cukai (Bergambar)

PELEPASAN CUKAI UNTUK SYARIKAT SWASTA BANTU KEMPEN KELUARGA

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sedang meminta kerjasama Kementerian Kewangan memberikan pelepasan cukai pada syarikat swasta yang menaja kempen menggalakkan institusi keluarga anjuran kementerian itu.

Menteri berkenaan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata kempen yang bertemakan "Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang" itu dijalankan menerusi perkongsian pintar dengan badan swasta dan korporat, dan menerima sambutan yang amat menggalakkan sejak ia dilancarkan Julai lalu.

Beliau berkata pengecualian cukai berkenaan akan membantu menarik lebih banyak penyertaan daripada syarikat swasta dan korporat.

"Kita perlu fikirkan juga mengenai mereka ini. Selama ini, semua program yang kita jalankan di bawah kempen ini ditaja sepenuhnya oleh mereka," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas melancarkan pelekat kenderaan kempen itu di Plaza Tol Jalan Duta, di sini hari ini.

Kempen yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Julai lalu menekankan beberapa prinsip utama dalam setiap aktivitinya seperti kasih sayang, nilai kekeluargaan, keibubapaan cemerlang, mengimbangi kerjaya dan keluarga serta pendidikan keluarga.

Kempen itu akan berlangsung sepanjang tahun ini hingga tahun depan.

Sebanyak 85,000 keping pelekat kenderaan dicetak untuk kempen itu dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Berhad, Platinum Assets dan OSRAM (M) Sdn. Bhd.

--BERNAMA

SOP AZH RON